

KEPIMPINAN ISLAM: SATU AGENDA PEMBANGUNAN UMMAH

oleh
Shukeri Muhammad

Abstract

Islamic Leadership is the agent of change in ummah. Emphasis is given to the missions, objectives and conditions of the Islamic Leadership

Pengenalan

“Kepimpinan Islam” merupakan Institusi terpenting di dalam sistem politik Islam. Ia bertanggungjawab mencernakan sistem politik yang benar dan tepat dengan kehendak Islam sama ada dalam soal dasar atau pendekatan. Dengan itu agenda pembangunan umat dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Ini kerana kepimpinan Islam hanya bertuhankan Allah Taala dalam segala urusan kepimpinannya. Hakikat ini kelihatan semakin kabur dan tidak diberi ruang untuk menonjolkan diri kerana tidak adanya institusi “Kepimpinan Islam” yang diamalkan oleh mana-mana sistem politik di dunia hari ini. Sistem politik negara Malaysia juga tidak terlepas dari kenyataan ini. Kadang-kadang “Kepimpinan Islam” dilihat dengan pandangan serong, mencuriga dan menakutkan. Hasilnya kepimpinan moden gagal membawa mesej pembangunan umat. Lantaran itu berleluasalah gejala buruk dalam masyarakat dan berlakunya krisis politik, ekonomi, kewangan, moral, sosial dan sebagainya.

Merujuk kepada realiti ini dan perihal pentingnya pemahaman serta penghayatan sebenar kepada persoalan “Kepimpinan Islam”, maka perbincangan berikut akan difokuskan kepada penjelasan tentang pengertian, konsep dan kesannya kepada pembangunan insan, masyarakat dan negara.

Pengertian dan Konsep Kepimpinan Islam

Dalam kontek ini, para fuqaha silam telah mengemukakan berbagai-bagai takrif bagi menjelaskan pengertian “Kepimpinan Islam”. Antaranya ialah:

- a. Al-Imam al-Mawardi (M. 422H) menyatakan bahawa Kepimpinan (al-Imamah) ialah menggantikan tugas kenabian bagi menjaga agama dan menguruskan kehidupan dunia.¹

Al-Imam al-Haytami (Syihab al-Din Ahmad b. Muhammad) menyebut takrif di atas di dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj fi syarah al-Minhaj*.² Takrif di atas juga disebut oleh para fuqaha' berikut:-

- Al-Ramli (Muhammad b. Abi al-Abbas) di dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj fi Syarah al-Minhaj*.³
- Ibn. al-Azraq (Muhammad b. Ali b. Muhammad) di dalam kitabnya *Bada'i' al-Silk fi Taba'i' al-Malik*.⁴
- Ibn. Khaldun (Abd. al-Rahmān b. Muhammad) di dalam kitabnya *al-Muqaddimah*.⁵

Ibn Khaldun sendiri menyatakan definisi yang tersendiri tentang "kepimpinan". Ramai penulis baru telah menyebut definisi beliau itu di dalam karya-karya mereka⁶. Menurut Ibn. Khaldun,⁷ khilafah ialah membawa seluruh manusia berada di atas landasan syara' bagi kepentingan akhirat dan urusan keduniaan yang menguntungkan akhirat. Ini kerana segala urusan dunia bagi Allah (s.w.t) semuanya diukur penerimaannya mengikut neraca akhirat. Justeru itu khilafah adalah: Khilafah mengganti pihak Allah/Rasul di dalam mengawal agama dan menguruskan urusan keduniaan berdasarkan agama.

Jelas sekali Ibn. Khaldun membuat rumusan yang hampir sama dengan ta'rif al-Mawardi iaitu dengan memberi penekanan bahawa agama adalah landasan di dalam mengendalikan urusan keduniaan (pentadbiran negara).

¹ Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-wilayat al-diniyyah*, Beirut m.s. 5.

² Al-Haytami, *Tuhfah al-Muhtaj fi syarah al-Minhaj* (bersama Hawasyi al-Syarwani dan Ibn. Qasim) Beirut, Jld. 9, m.s. 75.

³ Al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj fi Syarah al-Minhaj*, Beirut 1984, Jld. 7 m.s. 409

⁴ Ibn al-Azraq, *Bada'i' al-silk fi Taba'i' al-Malik*, Tunis Jld. 1 m.s. 93 dan 110.

⁵ Ibn Khaldun, *al-Muqaddimah*, Beirut 1984 m.s. 191.

⁶ Di antaranya ialah Muhamad al-Mubarak, *Nizam al-Islam (al-Hukm wa al-Dawlah)*, Beirut 1989 m.s.60 .Dr.. Muhamad Yusuf Musa; *Nizam al-Hukm fi al Islam* Beirut, m.s. 12. Dr. Salah al-Din Basyuni, *al-Fikr al-Siasi Indra al- Mawardi*, Kaherah 1983, m.s. 66

⁷ Ibn. Khaldun, *Ibid*.

- b. Al-Syaikh Rashid Rida telah mengambil takrif yang dikemukakan oleh al-Taftazani⁸ iaitu kepimpinan adalah mencakupi kedua-dua urusan; agama dan dunia serta meneruskan tugas-tugas Nabi Muhammad S.A.W.
- c. Ibn. al-Azraq telah mengambil takrif yang dikemukakan oleh al-Amidi⁹ iaitu khilafah ialah mengganti Rasulullah S.A.W. dalam menegakkan peraturan-peraturan syara' dan menjaga agama, di mana khilafah itu wajib dipatuhi oleh semua pihak.
- d. Al-Qalqasyandi (Ahmad b. Abdullah, m. 820H) mentakrifkan kepimpinan (al-Khilafah)¹⁰ sebagai Wilayah Ammah ke atas seluruh umat, melaksanakan urusan-urusan umat dan memikul segala beban tugas yang melibatkan umat.
- e. Al-Imam al-Juwaini di dalam ulasannya seolah-olah membuat satu rumusan kepada takrif-takrif di atas. Kata beliau:¹¹ Kepimpinan ialah, kepimpinan yang sempurna, penguasaan yang menyeluruh mencakupi urusan khas dan am di dalam tugas agama dan dunia yang terkandung di dalamnya soal menjaga keselamatan negara, menjaga kepentingan rakyat, mengatasi penyelewengan dengan dakwah dan hujjah/dialog serta dengan pedang (senjata) bagi membantu orang-orang teraniya, mempastikan orang-orang yang mempunyai hak itu mendapat haknya, juga mempastikan hak-hak itu tidak dirampas oleh mana-mana pihak.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa para fuqaha' di sepanjang zaman telah memberikan perhatian serius dalam mengemukakan pengertian sebenar "Kepimpinan Islam". Pada keseluruhannya, mereka cuma berbeza dari segi pemilihan perkataan, namun masing-masing bersetuju dan mengakui asas-asas kepimpinan yang berikut:

A. "Kepimpinan Islam" (al-Khilafah) adalah memikul tugas bagi pihak Nabi Muhammad S.A.W.

Kepimpinan mengikut pandangan Islam hendaklah beriltizam dengan manhaj Nabi Muhammad S.A.W. dalam menguruskan soal-soal negara dan rakyat. Pada masa yang sama ia tidak boleh menyeleweng daripada perundangan (syariat) yang diturunkan oleh Allah S.W.T. Inilah konsep khilafah. Khilafah tidak memberi apa-apa makna tanpa iltizam yang disebutkan di atas. Ini kerana Rasulullah S.A.W.

⁸ Mohd. Rasyid Rida, *al-Khilafah*, Kaherah 1988 m.s. 17.

⁹ Ibn al-Azraq, *op. cit.* Jld. 1 m.s. 110.

¹⁰ Al-Qalqasyandi, *Maathir al-inayah fi Ma'alim al-Khilafah*, Beirut Jld. 1 m.s. 8.

¹¹ Al-Juwaini, *Ghiyath al-Umam fi al-Iltiyath al-Zulam*, Iskandariah m.s. 15.

tidak meninggalkan harta dan habuan dunia kepada umatnya. Sebaliknya Baginda meninggalkan warisan kepimpinan dunia kepada umatnya supaya mereka beriltizam dengan kepimpinan baginda dalam menjalankan tugas mentadbir urusan umat dan agama mereka.

B. “Kepimpinan Islam” adalah Wilayah Ammah ke atas seluruh umat manusia (rakyat).

Kepimpinan Islam adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan kesejahteraan umat, termasuk seluruh kepentingan mereka. Perkara ini telah dilaksanakan sepenuhnya oleh para khulafa’ al-Rasyidin dan khalifah-khalifah Islam. Khalifah al-Mu’tasim¹² yang memahami tanggungjawab ini telah mengerahkan bala tenteranya untuk menyerang kerajaan Rom apabila seorang perempuan Islam ditawan pada tahun 222H. Beliau akhirnya berjaya menyelamatkan perempuan tersebut melalui peperangan Amuriyyah,¹³ di mana Rom dapat ditewaskan.¹⁴

C. Tanggungjawab “Kepimpinan Islam” adalah menjaga dan mendaulatkan agama Islam.

Kepimpinan secara Islam memikul amanah yang amat besar iaitu menjaga kepentingan Islam dan mengawal keselamatannya.¹⁵ Ia memerlukan berbagai-bagai kekuatan dan persediaan. Apabila kepimpinan tidak melaksanakan tanggungjawab memelihara agama, maka berbagai-bagai gejala buruk akan menimpa negara dan umat. Gejala itu seterusnya akan memusnahkan kesatuan orang Islam dan boleh membawa kepada kehancuran umat. Gejala keruntuhan ini pernah menimpa umat Islam di zaman kepimpinan kerajaan Bani Abbasiah.¹⁶ Mereka telah menyalakan api kebangsaan Arab dengan meniupkan semangat pengkelasan di antara Arab dan bukan Arab sehingga membakar kesatuan umat Islam ketika itu. Akhirnya negara dan kerajaan menjadi lemah kerana berlakunya perpecahan umat yang tidak dapat dibendung lagi. Selain dari itu, beberapa pemimpin ketika itu juga telah tergoda langsung dengan godaan dunia mereka sehingga lupa tugas memelihara kesucian dan keutuhan Islam.

¹² Beliau ialah Muhammad b. Harun al-Rasyid, Salah seorang Khalifah Bani Abbasiah, menjadi khalifah pada tahun 218H. Lihat al-Qalqasyandi, *Ibid* Jld. 1 m.s. 217.

¹³ Amuriyah ialah sebuah wilayah di bawah kerajaan Romawi. Lihat yaqut al-Hamawi, *Mu'jam al-buldan* Jld. 4 m.s. 158.

¹⁴ Al-Qalqasyandi, *op. cit.* Jld. 1 m.s. 220.

¹⁵ Menjaga kepentingan Islam bukan bererti menzalimi kepentingan pihak lain.

¹⁶ Hasan Ibrahim Hasan, *Tarikh al-Islam*, Jld. 4 m.s. 341.

D. Tugas “Kepimpinan Islam” juga adalah mengurus dan mentadbir Negara mengikut landasan Islam.(samada berlandaskan nas-nas al-Quran dan al- Sunnah atau berlandaskan ijтиhad).

Tugas mengendalikan urusan negara dan kepentingan rakyat di dalam kacamata “Kepimpinan Islam” hendaklah dilakukan mengikut landasan Islam. Pemimpin negara tidak boleh mengadakan atau melaksanakan undang-undang, peraturan, program atau aktiviti-aktiviti mengikut selera atau pandangan mereka semata-mata; ia mesti merujuk kepada ketetapan Islam dari segi halal haram dan sebagainya. Berdasarkan kepada hakikat ini, kedua-dua tugas kepimpinan diatas - mendaulatkan agama dan menguruskan pentadbiran negara dan rakyat - tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain. Ini berdasarkan kepada kenyataan Allah S.W.T. yang menggariskan tugas Asasi manusia dan jin iaitu untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Di dalam konteks kepimpinan Islam, pengabdian diri kepada Allah S.W.T. hendaklah dilaksanakan sepenuhnya, meliputi tugas-tugas keagamaan dan keduniaan: Ini kerana perintah Allah S.W.T. di atas adalah menyeluruh dan bersifat wajib. Institusi kepimpinan Islam mendokong kuat konsep “pengabdian diri kepada Allah S.W.T.”, bagi menjamin kesejahteraan umat manusia seturuhnya di dunia dan di akhirat. Konsep pengabdian ini tidak akan dapat dijelaskan dalam institusi kepimpinan Islam kecuali dengan menegakkan kedua-dua tugas tersebut iaitu:-

- a. mendaulatkan Islam dan mempertahankannya.
- b. menjalankan pentadbiran negara mengikut landasan Islam.

Merujuk kepada sistem politik Islam, didapati bahawa perkataan *al-Siasah* itu sendiri memberi erti mengendalikan urusan-urusan kenegaraan (samada yang menyentuh perkara dasar atau urusan pentadbiran) mengikut landasan Islam bertujuan untuk menjamin kesejahteraan umat.

Pengertian ini telah dipakai sejak dahulu lagi oleh para ulama Islam seperti Ibn. Abidin,¹⁷ Ibn. Nujaym,¹⁸ al-Tahanawi,¹⁹ dan juga al-Bujayrimi.²⁰ Malah pengertian di atas juga telah diterima oleh para ulama'-ulama' semasa seperti Syaikh Abd. al-Wahhab Khallaf,²¹ Abd al-Rahman Taj²² dan lain-lain.

¹⁷ Ibn. Abidin, *Hasyiah Rad al-Muhtar ala al-dur al-Mukhtar*, Beirut 1966 Jld. 4. m.s. 15

¹⁸ Ibn. Nujaim, *al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-daqa'iq*, Pakistan Jld. 5 m.s. 76.

¹⁹ Al-Tahanawi, *Kassiyat istilahat al-funun*, Dar al-Khilafah al-Ilmiyah, 1317H, jld. 1 m.s 733

²⁰ Al-Bujayrimi, *al-Tajrid linafi' al-Abid ala Syarh Manhaj al-Tullab*, Mesir 1956 Jld. 2. m.s. 178.

²¹ Abdul Wahab Khallaf, *al-Siyasah al-Syar'iyyah*, Beirut 1987, m.s. 17

²² Abd. Rahman Taj, *al-Siyasah al-Syar'iyyah* (dipetik dari Kitab *Khasa'i's al-Tasyri' al-Islami fi al-siyasah wa al-Hukm* oleh Dr. Fathi al-Durayni, Beirut 1987, m.s. 191.

Dari situ, jelas menunjukkan bahawa tonggak politik di dalam Islam ialah institusi kepimpinan yang beroperasi secara Islam. Tanpa ditegakkan institusi kepimpinan Islam yang sepenuhnya, maka matlamat politik Islam tidak akan tercapai, malah akan menimbulkan segala unsur kecelaruan dan percanggahan dengan dasar-dasar Islam dan etikanya. Seterusnya lenyaplah jaminan keselamatan dan pembangunan sebenar kepada manusia dan alam sejagat.

Kepimpinan Islam Dan Kesannya Kepada Pembangunan Insan/Umat

Bertolak dari pengertian kepimpinan, huraian berikut akan menyentuh kesan kepimpinan kepada pembangunan insan dan jaminan kesejahteraan.

Ia akan dilihat dari dua aspek berikut:

- a. Syarat-syarat dan kelayakan sebagai seorang pemimpin dan kesannya.
- b. Tugas-tugas/tanggungjawab kepimpinan dan kesannya.

Syarat-syarat dan kelayakan sebagai seorang pemimpin dan kesannya.

Para fuqaha' telah menggariskan syarat-syarat dan kelayakan bagi seorang calon pemimpin sebelum ianya dipilih atau dilantik menjadi pemimpin.

Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Syarat keagamaan dan Aqidah (Beragama Islam)
2. Syarat-syarat kemampuan. Ia meliputi perkara-perkara berikut:
 - a. Baligh (cukup umur)
 - b. Waras akal fikiran
 - c. Merdeka (bukan hamba)
 - d. Lelaki
 - e. Keilmuan yang tinggi
 - f. Kesihatan yang baik
 - g. Pengurusan dan pentadbiran yang cekap
3. Syarat keadilan

Berikut diuraikan satu persatu tentang syarat-syarat tersebut bagi menampakkan kesannya kepada pembangunan insan dan kesejahteraan ummah.

1. Syarat Keagamaan

Ia disepakati para ulama khususnya bagi jawatan kepimpinan tertinggi yang bertanggungjawab di dalam menentukan dasar.Ia dipanggil sebagai “al-Wilayah al-Ammah”.Mereka bersandarkan firman Allah Taala:²³



يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَنْهَاكُوا أَوْلَيَاءَهُ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ ...

“Hai orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi wali, dengan meninggalkan orang-orang mukmin.

Dari ayat di atas jelas bahawa Islam tidak menerima sebarang bentuk wilayah/penguasaan orang-orang bukan Islam ke atas orang Islam.”²⁴

Begitu juga firman Allah Taala:²⁵



يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ مِنْكُمْ ...

“Hai orang-orang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan Ulu al-Amri di kalangan kamu.”

Al-Syawkani menyatakan bahawa “Ulu al-Amri” ialah para Pemimpin, sultan, para hakim dan orang-orang yang mendapat mandat/kuasa dari syara’.²⁶ Sebab itu orang-orang yang memegang amanah kepimpinan itu hendaklah terdiri dari kalangan orang-orang Islam.

Adapun di dalam jawatan yang melibatkan soal-soal pelaksanaan arahan-arahan sahaja, maka para ulama’ berbeza pendapat. Al-Mawardi misalnya, menganggap orang-orang bukan Islam layak memegang jawatan tersebut.²⁷ Pendapat beliau telah dikritik dan ditolak oleh al-Juwayni.²⁸ Khalifah Umar al-Khattab juga tidak menerima orang-orang bukan Islam sebagai pegawai kerja di zamannya.²⁹

²³ Surah al-Nisa’ ayat 144.

²⁴ Al-Syawkani, *Fath al-Qadir*, Beirut 1991 Jld. 1, m.s. 595.

²⁵ Surah al-Nisa’ ayat 59.

²⁶ Ibn. Nujaym, *Ibid* Jld. 6, m.s. 299, Abu Ya’la, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Beirut 1983, m.s. 20. Al-Ramti, *Ibid*, Jld. 7, m.s. 409. Al-Qurtubi, *al-Jami’ li ahkam al-Quran*, Beirut Jld. 1, m.s. 270.

²⁷ Al-Mawardi, *op. cit.*, Beirut m.s. 31

²⁸ Al-Juwaini, *op. cit.*, Misr m.s. 114 dan seterusnya.

²⁹ Al-Juwaini, *Ibid*, m.s. 115.

Syarat keagamaan yang dihuraikan di atas telah menjadi amalan asas bagi kerajaan Islam silam. Unsur ini akan menjadikan kepimpinan negara bersedia melaksanakan syariat Islam secara menyeluruh dengan penuh keyakinan tanpa tangguh-tangguh dan dolak dalih. Ini kerana Akidah Islam yang dianutinya akan mendorong kepimpinan untuk bertanggungjawab di hadapan Allah dan rakyatnya. Sekaligus kepimpinan Islam tidak menjadi penghalang kepada pelaksanaan syariat Islam. Rasulullah S.A.W. bersabda:³⁰ Maksudnya:

"Ketahuilah kamu semua adalah penjaga/pengawas, (pemimpin) dan kamu bertanggungjawab ke atas rakyat. Ketua Negara yang memerintah rakyat adalah bertanggungjawab ke atas rakyatnya."

2. Syarat-syarat Kemampuan

a. Baligh

Syarat ini disepakati oleh para ulama kerana kanak-kanak tidak mempunyai kemampuan memimpin, malah ia sendiri memerlukan pimpinan dan penjagaan³¹. Al-Imam Ahmad meriwayatkan:³² Maksudnya: Berlindunglah dengan Allah Taala dari melantik kanak-kanak sebagai amir.

b. Berakal (waras fikiran)

Syarat ini telah juga disepakati oleh para ulama'. Ini kerana orang-orang gila tidak mampu memimpin dan mentadbir, sebaliknya pengurusan hartanya sendiri diserahkan kepada wali atau wakilnya.³³

c. Merdeka (bukan hamba)

Para ulama juga bersepakat mengatakan bahawa merdeka adalah syarat kepimpinan. Ini kerana hamba tidak mempunyai kemampuan dan kebebasan diri untuk memikul tugas kepimpinan.³⁴

Jelas sekali bagaimana Islam hanya menyerahkan tugas kepimpinan kepada orang yang benar-benar berkemampuan. Sekiranya amanah kepimpinan itu diserahkan kepada orang-orang yang tidak begitu layak (kemampuan yang

³⁰ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* (dicetak bersama Fath al-Bari) Kaherah, 1987, Jld. 13, m.s. 119.

³¹ Al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Beirut Jld. 4, m.s. 130. Al-Bahuti, *op. cit.*, Jld. 6, m.s. 159.

³² Ahmad, *al-Musnad*, Mesir 1313H Jld. 2, m.s. 326, 355, 448.

³³ Al-Syarbini, *op. cit.*, Jld. 4 m.s. 130.

³⁴ Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Jld. 13, m.s. 122 Al-Syarbini, *op.cit.*, Jld. 4, m.s. 130. Ibn Nujaym, *op.cit.*, Jld. 6, m.s. 130. al-Juwayni, *op. cit.*, m.s. 65

terbatas), walaupun mungkin ia boleh dibantu oleh pihak-pihak tertentu, namun matlamat kepimpinan Islam (menyediakan jaminan kebahagiaan di dunia dan akhirat) menjadi kabur.

d. Lelaki

Jumhur ulama' mensyaratkan "lelaki" bagi "kepimpinan ammah"¹⁵ berdasarkan al-Quran dan al-hadis. Firman Allah S.W.T.¹⁶

آلِيَّالُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ إِنَّمَا فَضَلَّ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ...

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita)."

Nas al-Quran ini dianggap telah meletakkan kemampuan wanita tidak setanding dengan kemampuan lelaki dalam memikul amanat kepimpinan yang besar (ammah). Begitu juga satu riwayat yang bermaksud¹⁷ "Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang melantik wanita sebagai pemimpin mereka."

Pengertian yang dapat diambil dari riwayat di atas ialah bahawa kepimpinan wanita menjadi punca kegagalan sesuatu kaum atau masyarakat.

Lelaki yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T pada dasarnya mempunyai persediaan untuk memikul tugas kepimpinan yang berat di semua peringkat. Kelebihan dan kemampuan ini dapat membantu lelaki di dalam menjalankan kerja-kerja kepimpinan yang penuh cabaran. Wanita tidak dibenarkan memegang jawatan ketua negara (khalifah). Ini kerana Islam ingin menjaga kemuliaan wanita yang memerlukan perhatian yang lebih. Jawatan khalifah akan mendedahkan wanita kepada tanggungjawab yang besar, tugas yang tiada sempadan, pergaulan yang luas dan risiko yang tinggi. Jika Allah mahu membebangkan wanita dengan tugas-tugas itu, nescaya wanita dijadikan seperti lelaki Hakikatnya wanita berbeza dari lelaki daripada segi fitrah dan kejadiannya. Sebab itu wanita lebih berhak mendapat perlindungan dan perhatian yang lebih dengan tidak membebangkan mereka dengan tugas lelaki yang berat.

¹⁵ Ibn Hazm, *Maratib al-Ijma'*, Beirut, m.s. 145. Al-Azhari, *Jawahir al-Iklil*, Beirut, Jld. 2, m.s. 221 .Ibn Nujaym, *op. cit.* Jld. 6, m.s. 266. Al-Bahuti, *op. cit.*, Jld. 6 m.s. 159. Al-Syarbini, *op. cit.*, Jld. 4 m.s. 130.

¹⁶ Surah al-Nisa ayat 34.

¹⁷ Al-Bukhari, *op. cit.*, Jld. 8 m.s. 126, al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Jld. 4 m.s. 527. Al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i* Jld. 8 m.s. 227. No. hadis 5377. Ahmad *op. cit.*, Jld. 5, m.s. 38, 42, 47, 51, Al-Bayhaqi, *Sunan al-Bayhaqi*, Hindi 1352H Jld. 10, m.s. 118.

Tidak dinafikan bahawa wanita di zaman moden ini boleh membuktikan kemampuan mereka di dalam memimpin, tetapi sebenarnya kemampuan itu telah diaplikasikan mengikut aliran dan kefahaman Barat yang tidak mengerti dan menghormati status serta kemuliaan hakiki seorang wanita sehingga meletakkan kedudukan wanita, setaraf dengan alat dan mesin.

Islam membawa pengajaran yang berbeza dalam hal ini. Apabila Islam mengangkat nilai-nilai dan kemuliaan yang ada pada wanita maka kepimpinan wanita diselaraskan dengan status dan kemuliaan itu. Justeru itu wanita dibenarkan memimpin institusi-institusi yang rendah risikonya atau khusus sifatnya. Selain daripada itu, ia tertakluk kepada syarat-syarat lain bagi menjamin nilai-nilai kemuliaan di atas terus dipertahankan dan kemuliaan itu terus menjadi milik wanita Islam. Berdasarkan kepada kenyataan ini, Islam tidak melarang wanita Islam terlibat di dalam tugas mendidik walaupun di luar rumah. Begitu juga tugas-tugas lain yang sesuai dengan tabi'inya. Dengan terpeliharanya kemuliaan wanita Islam, ia dapat mengukuhkan institusi masyarakat dan negara, begitulah sebaliknya.

d. Keilmuan

Syarat keilmuan ini tidak dipertikaikan oleh para ulama. Ini kerana tanpa ilmu pengetahuan yang cukup tentang Islam dan hukum hakamnya, matlamat kepimpinan akan meleset dan gagal. Malah ia sekadar melaksanakan peraturan-peraturan mengikut nafsu pemimpin itu sendiri atau pun mengikut telunjuk pihak-pihak tertentu. Kejahilan mereka juga menyebabkan mereka melabelkan peraturan-peraturan yang mereka cipta sendiri dengan nama-nama Islam, sehingga menimbulkan kekeliruan dan penyelewengan. Sedangkan kepimpinan di dalam Islam adalah bertujuan menguruskan pentadbiran Negara dan masyarakat mengikut syariat Islam demi mencapai kemaslahatan (kesejahteraan) di dunia dan di akhirat.


Dalam hal ini ada juga kalangan ulama yang mensyaratkan kemampuan berijtihad bagi seorang ketua negara.³⁸

Mewujudkan kepimpinan yang berkemampuan dari segi ilmu pengetahuan tentang Islam dan peraturan, boleh mendatangkan implikasi tamaddun dan budaya ilmu di kalangan rakyat di semua peringkat.

Malah ia dapat membentuk barisan kepimpinan yang bertaqwah dan berpegang kepada sumber-sumber atau dalil-dalil Islam di dalam kepimpinannya, bukannya berasaskan kepada sentimen politik yang sempit, pangkat dan kebendaan,

³⁸ Ibn. Taimiah, *al-Siyasah al-Syar'iyyah*, Kuwait 1406, Beirut m.s. 32.

kepentingan diri dan suku sakat, permusuhan-permusuhan yang merugikan dan lain-lain. Firman Allah S.W.T.³⁹



"Sesungguhnya yang benar-benar takut kepada Allah S.W.T di antara hambanya hanyalah ulama'."

e. Kesihatan

Syarat kesihatan bermaksud sempurna anggota dan pancaindera daripada kecacatan seperti tuli, buta, bisu dan sebagainya. Ada juga fuqaha' yang mengkhususkan kecacatan itu kepada kelemahan yang memberi kesan kepada kemampuan berfikir dan bekerja.⁴⁰

Para jumhur fuqaha meletakkan syarat kesihatan ini kerana kepimpinan akan terganggu di dalam menjalankan tugas dan pergerakannya apabila wujudnya kecacatan-kecacatan tersebut. Ini sekaligus boleh mengurang dan melemahkan kemampuannya dalam melaksanakan tugas-tugas yang begitu berat dan mencabar.⁴¹ Jelas sekali bahawa apabila kecacatan memerlukan bantuan pembantu di dalam menjalankan tugasnya, maka di sana tidak ada jaminan ia dapat menjalankan tugas negara dengan baik dan sempurna.

f. Pengurusan Dan Pentadbiran

Kemampuan di dalam pengurusan dan pentadbiran menjadi syarat kepimpinan. Ini kerana tugas kepimpinan melibatkan urusan organisasi dan pentadbiran negara yang sulit. Urusan tersebut mencakupi berbagai-bagai aspek pengurusan dan pengendalian seperti urusan dalam negeri, luar negara, ketenteraan, keselamatan, kemasyarakatan, pendidikan dan sebagainya. Negara tidak berjaya jika diperintah oleh orang-orang yang lemah di dalam pengurusan dan pentadbiran atau tidak amanah. Mereka akan menjadikan kepimpinan itu sebagai alat untuk mengaut keuntungan peribadi atau puak mereka semata-mata. Sabda Rasulullah S.A.W:⁴² Maksudnya:

Apabila diserahkan urusan (kepimpinan) kepada orang-orang yang bukan ahlinya (tidak layak) maka tunggulah kehancuran (kiamat).

³⁹ Surah Fathir ayat 28.

⁴⁰ Ibn Khaldun *op. cit.*, Jld. 2, m.s. 193.

⁴¹ Al-Mawardi, *op. cit.* m.s. 6. Abu Ya'la, *op. cit.* m.s. 21.

⁴² Al-Bukhari, *op. cit.*, Jld. 1 m.s. 142.

Jaminan kemajuan dan pembangunan hanya akan dapat diperolehi apabila kepimpinan memiliki kemampuan dan kelayakan sebenar dari segi pengurusan dan pentadbiran. Dengan kata lain, syarat pengurusan ini akan menyelamatkan negara dari gejala pecah amanah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, rasuah, pilih kasih, lembab, kucar kacir, boros dan membazir serta mengejar pangkat dan kekayaan. Ini kerana unsur-unsur penyelewengan itu bertentangan dengan etika pengurusan dan pentadbiran sebenar. Unsur-unsur penyelewengan itulah yang akan membawa kemusnahan negara dan umat.

3. Syarat Keadilan

Jumhur fuqaha telah menjadikan “adil” sebagai salah satu syarat kepimpinan. Ini bererti orang-orang yang fasik tidak layak menjadi pemimpin. Adil di dalam konteks kepimpinan bermaksud beriltizam dengan unsur-unsur mulia dan kebaikan mengikut kacamata agama dan akhlak. Kebaikan di dalam agama ialah menuaikan semua tanggungjawab atau melaksanakan semua yang difardukan serta meninggalkan segala larangan. Ia juga di ditakrifkan sebagai tidak melakukan dosa-dosa besar di samping tidak berkekalan melakukan dosa-dosa kecil, mengelakkan diri dari perkara-perkara syubhat (keraguan), mempunyai sifat tenang samada di waktu senang atau susah atau tertekan.

Manakala kebaikan akhlak pula ialah: Melakukan sesuatu yang mendatangkan keelokan dan kesempurnaan, mengelakkan diri dari unsur-unsur tidak baik dan jijik samada di dalam perbuatan atau perkataan.

Kepimpinan yang menjaga kebaikan agama dan akhlaknya akan menjadi contoh dan tauladan yang baik di dalam pentadbiran dan pemerintahan atau di dalam gaya hidup hariannya. Ia akan melahirkan masyarakat yang sejahtera dari segi agama/pemikiran dan amalan mereka. Rakyat biasanya akan terikut-ikut dengan gaya dan cara hidup seorang pemimpin.

Perkara ini adalah amat jelas kerana manusia adalah haiwan *ijtima'e* yang hidup berkelompok dan bergaul, memberi dan menerima, mudah terpengaruh dengan persekitaran, samada di dalam soal kebaikan atau keburukan.

Kepimpinan yang fasik hanya akan menyuburkan generasi fasik. Ini kerana orang-orang yang fasik tidak mengambil berat tentang soal-soal agama dan akhlak. Mereka hanya mementingkan perut dan nafsu mereka sahaja. Hal yang sama juga akan terjadi kepada rakyat yang dipimpinnya.

Tugas-tugas/tanggungjawab kepimpinan dan kesannya

Huraian ini menyentuh tugas-tugas atau tanggungjawab kepimpinan dengan melihat sejauh mana kesannya terhadap kesejahteraan. Para fuqaha' telah membahagikan tugas khalifah kepada dua bentuk:-

- Bentuk Pertama : Tugas-tugas/urusan keagamaan
 Bentuk Kedua : Tugas-tugas/urusan keduniaan

Berikut dihuraikan secara terperinci tentang dua bentuk tugas yang dimaksudkan.

Tugas Keagamaan

Ia meliputi aspek-aspek asas seperti berikut:


- Mendaulatkan asas agama dan mempertahankannya.
- Menjaga dan mengawal perkara-perkara cabang (*furu'*) di dalam Islam.

a. Perkara-perkara yang termasuk di dalam asas agama ialah:

Menjaga dan mendaulatkan Islam serta mempertahankan kesuciannya daripada segala bentuk kesesatan, bid'ah, penyelewengan, diayah, ideologi yang bercanggah dengan Islam dan sebagainya.

Dalam hal ini, kepimpinan wajib menghapuskan segala bentuk penyelewengan yang merosakkan imej Islam dengan menggunakan cara dan kaedah-kaedah yang sesuai seperti penerangan, mengemukakan hujjah dan keterangan. Jika usaha-usaha awal itu tidak mendatangkan hasil ia harus diikuti dengan tindakan undang-undang dan kekerasan.⁴³

Kepimpinan yang memikul amanah ini akan menjadikan "Peraturan Islam" sebagai cara memimpin. Dengan itu, usaha membentras kemungkaran dan kesesatan akan lebih berkesan. Ini kerana pemimpin itu sendiri mengamalkan cara hidup yang betul dan tidak menyeleweng. Jika kepimpinan tidak mengamalkan "kebenaran", maka rakyat akan menjadi lebih rosak daripada mereka lagi, Allah berfirman:⁴⁴



"Mengapakah kamu menyuruh orang lain (mengerjakan) kebaikan, sedangkan kamu melupakan diri mu sendiri.

⁴³ Al-Juwaini, *op. cit.* m.s. 136. Ibn. Humam, *Syarah Fath al-Qadir* Beirut, Jld. 6 m.s. 68.

⁴⁴ Surah al-Baqarah ayat 44.

Firman Allah S.W.T lagi:⁴⁵

كَبُرَ مُقْتَنِعًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٧﴾

"Amat besarlah kemurkaan/kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu perbuat."

Sekiranya kepimpinan bergelumang dengan ideologi-ideologi yang bercanggah dengan Islam seperti pragmatisme atau liberalisme di dalam sistem politik, kapitalisme di dalam sistem ekonomi, modenisme Barat di dalam sistem kemasyarakatan, maka tentu sekali kepimpinan seperti itu tidak bersedia untuk menegak atau mendaulatkan Islam. Ini kerana mereka sendiri yang menaja dan mendokong kuat ideologi-ideologi yang rosak dan menyesatkan. Oleh yang demikian menjadi tanggungjawab mereka yang pertama membuang segala ismeisme yang sesat itu. Kemudian bolehlah mereka membentras gejala-gejala kerosakan yang berlaku di dalam masyarakat.

Seterusnya kepimpinan yang sihat dan sejahtera imannya akan mempertahankan kesucian Islam dengan mengekalkan budaya-budaya Islam yang murni di dalam negara. Ini bererti pemimpin akan meyekat dan menghalang segala aliran dan budaya-budaya kuning dari menyerap masuk ke dalam masyarakat. Antaranya ialah seperti filem-filem Barat yang lucah dan kotor, media-media cetak yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam dan juga kaset-kaset video hiburan yang mengkhayalkan dari luar. Budaya-budaya tersebut hendaklah diawasi agar ianya tidak menjadi amalan masyarakat tempatan.

Sebenarnya usaha-usaha menerap dan menyalurkan budaya rosak itu adalah kerja-kerja jahat zionis dan misionary bertujuan untuk melalaikan umat Islam. Usaha-usaha mereka akan lebih berjaya apabila kepimpinan negara memberi laluan mudah kepada mereka. Keadaan ini akan berlaku seandainya kepimpinan negara hanya menghitung soal keuntungan dunia semata-mata tanpa mengambil berat soal akhlak dan agama.

b. Tugas Menjaga Dan Mengawal Perkara-perkara Cabang Di Dalam Agama Seperti, Amalan, Ibadat Dan Syiar-syiar,

Tugas ini meliputi keperihatinan pemimpin di dalam menjaga soal-soal ibadat, syiar-syiar seperti program-program berjamaah, haji dan sebagainya. Ini bererti pemimpin Islam akan memberi perhatian serius terhadap masyarakat dari segi amal ibadat dan perhimpunan-perhimpunan keagamaan bagi mempastikan ianya menepati hukum syara' dan tidak berlaku penyelewengan yang boleh

⁴⁵ Surah al-Saf ayat 3.

menimbulkan gejala perpecahan, ketegangan dan sebagainya. Melalui proses pencegahan atau proses mahkamah, kepimpinan Islam akan mempastikan tidak ada orang-orang Islam yang mengabaikan solat, puasa, zakat dan sebagainya.

Kepimpinan Islam sudah pasti tidak tergolong ke dalam orang-orang yang mengabaikan amal ibadat, malah mereka merupakan contoh terbaik di dalam perlaksanaan amal ibadat, program-program keagamaan, akhlak dan budi pekerti. Allah S.W.T berfirman:⁴⁶

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا يَكُونُ فِتْنَةً وَيُكَوِّنُ الَّذِينَ يَلُوُ ...
(193)

"Dan perangilah mereka itu sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) agama itu hanya untuk Allah belaka."

Ayat al-Quran ini sebenarnya menekankan tanggungjawab pemimpin dalam mempertahankan asas-asas agama dan cabang-cabangNya secara menyeluruh.

Tugas Keduniaan

Ia meliputi aspek-aspek berikut:

- a. Menjaga keselamatan rakyat daripada sebarang bentuk pencerobohan dari luar, iaitu dengan menyediakan pertahanan dan ketenteraan dengan baik.
- b. Menjamin keamanan dalam negeri dengan melaksanakan undang-undang hudud dan hukuman yang ditetapkan oleh syara' seperti *ta'zir*. Dengan itu pemimpin mesti melantik hakim-hakim yang berkelayakan untuk memikul tugas pengadilan agar keadilan dapat ditegakkan yang sekaligus menjamin keamanan dan kesejahtera negara/rakyat.
- c. Menyelesaikan semua pertelingkahan dan perbalahan melalui sistem kehakiman Islam. Pemimpin mesti mempastikan pihak-pihak yang terlibat dengan proses pengadilan itu tidak dizalimi.
- d. Menyediakan kemudahan asas kepada rakyat.

Kepimpinan negara, melalui kementerian, jabatan kerajaan dan sektor-sektor lain mesti menyediakan kemudahan asas kepada rakyat mengikut bidang kerja masing-masing seperti pertanian, perindustrian, perdagangan, pengangkutan, kesihatan, perhubungan, perumahan dan sebagainya.

Tugas kedua ini amat penting bagi mengukuhkan Islam di dalam negara. Ini kerana tanpa adanya pengurusan dan pentadbiran yang kemas dan teratur dalam

⁴⁶ Surah al-Baqarah ayat 193.

menguruskan soal-soal keselamatan, kemudahan-kemudahan dan pembangunan, tentu sekali Islam tidak akan dapat ditegakkan sepenuhnya. Ini bererti kedua-dua tugas di atas (tugas keagamaan dan keduniaan) itu tidak boleh dipisahkan. Kenyataan ini ditegaskan oleh al-Imam al-Ghazali:⁴⁷

"Sesungguhnya kuasa adalah amat penting bagi sistem kehidupan (keduniaan). Dan sistem pengurusan hidup (dunia) adalah amat penting bagi keagamaan."

Al-Imam al-Haramayn juga menyatakan hakikat yang sama, katanya:⁴⁸

"Sistem pengurusan hidup(dunia) di dalam ruang lingkup keagamaan merupakan asas (penegak) dan sistem/saluran bagi mencapai matlamat perundangan."

Pembangunan Insan/Ummah

Bahagian terakhir ini akan merumuskan kesan kepimpinan Islam di dalam pembangunan insan. Tinjauan lepas telah menunjukkan bahawa kepimpinan Islam membawa unsur-unsur pembangunan insan secara bersepada dengan penekanan utama kepada soal-soal iman dan kesempurnaan di dalam tata susila. Unsur-unsur pembangunan yang ditegakkan oleh kepimpinan Islam adalah merangkumi aspek-aspek berikut:-

- Membina dan membangun insan yang sejahtera jiwa dan rohaninya, murni tata susilanya, bersaudara, bantu membantu dalam melakukan kebaikan, berganding bahu mencegah kemungkar, mempertahankan nilai, kesucian dan kehormatan diri, menegakkan keadilan dan kebenaran, menolak kerosakan dan kebatilan.
- Membina dan membangunkan masyarakat yang stabil dari segi mental dan spiritual, bergerak di atas landasan kesedaran dan ilmu pengetahuan, menyokong kebenarannya dan keadilan serta menolak kesesatan dan penyelewengan.
- Membina dan membangunkan negara sebagai payung yang melindungi kepentingan Islam dan umatnya, mempertahankan kesucian Islam dan umatNya dan menyelamatkan masyarakat yang bernaung di bawahnya dari gejala kerosakan dan kehancuran.

⁴⁷ Al-Ghazali, *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*, Beirut 1988 m.s. 149.

⁴⁸ Al-Juwaini, *op. cit.* m.s. 133.

Penegasan yang dapat dibuat di sini ialah Kepimpinan Islam yang ditegakkan oleh sistem politik Islam akan membawa kesan yang jelas dan memberangsangkan kepada pembangunan insan. Melalui pembangunan insan ini, segala cita-cita kemajuan, kejayaan, kesejahteraan, kemakmuran akan dapat dicapai sepenuhnya. Seandainya pembangunan insan tidak dapat diwujudkan, maka kemajuan yang dicapai tidak boleh membawa keharmonian atau kesejahteraan kepada ummah, sebaliknya kesengsaraan dan penderitaan akan menimpa mereka.

Bagaimana Pembangunan Insan Menjadi Suatu Kenyataan Di Dalam Kepimpinan Islam?

Seperti yang dijelaskan, kepimpinan adalah salah satu institusi penting di dalam politik Islam. Ia bertanggungjawab sepenuhnya menjayakan matlamat politik Islam itu sendiri (membina negara yang baik, stabil dan maju berlandaskan syariah). Matlamat ini tidak dapat dicapai tanpa wujudnya suatu model manusia yang layak dan mampu melaksanakan matlamat itu. Sebab itu dinyatakan bahawa peranan dan aspek terpenting kepimpinan di dalam Islam adalah untuk membangunkan insan sebelum melaksanakan pembangunan-pembangunan lain. Ini kerana insan yang bertamaddun sahaja yang memiliki nilai-nilai unggul dan mampu memelihara pembangunan-pembangunan fizikal yang mereka tegakkan. Sebaliknya, insan yang runtuh kemanusiaannya, tidak akan bertanggungjawab ke atas pembangunan lahiriah. Malah mereka itulah yang akan meruntuh dan merosakkan pembangunan itu. Negara yang mereka tadbir akan hancur ditangan mereka. Apa yang penting bagi mereka ialah memuaskan nafsu dan menjaga kepentingan perut mereka sahaja. Mereka hanya menghitung persoalan keuntungan dunia, kekayaan, kebendaan dan keangkuhan semata-mata.

Kepimpinan Islam: (konsep dan tanggungjawab), sebenarnya membangunkan individu dan masyarakat dari segi iman, akhlak, daya fikir, ilmu pengetahuan dan pembangunan fizikal. Sebab itu agenda terpenting di dalam kepimpinan Islam ialah membangunkan iman dan akhlak insan supaya manusia bersedia dan mampu melaksanakan tugas sebagai insan atau hamba Allah, iaitu mengabdikan diri kepada Allah dan melandaskan sistem hidup mengikut nilai-nilai akhlak mulia.

Inilah perbezaan besar antara pembangunan yang dibawa oleh kepimpinan Islam dengan pembangunan yang ditegakkan oleh kepimpinan bukan Islam. Kepimpinan bukan Islam hanya membangunkan unsur-unsur lahiriah sahaja dan melupakan terus unsur-unsur rohaniah. Inilah yang menyebabkan runtuhnya nilai-nilai tamaddun dan kemanusiaan.

Kepimpinan secara Islam tidak bertolak ansur dengan unsur-unsur yang rosak. Sebab itu kepimpinan Islam (konsep, kelayakan, tanggungjawab dan

program) menghalakan insan kepada asas keimanan dan akhlak dengan menolak segala unsur-unsur dan program yang bercanggah dengan kepentingan tersebut.

Kesimpulan

Kepimpinan mengikut landasan Islam merupakan institusi terpenting di dalam sistem politik Islam. Ini kerana kepimpinanlah yang akan menegakkan sistem politik dan lain-lain kegiatan di dalam negara, mengikut landasan Islam. Ia juga bertanggungjawab mencorakkan masyarakat dan kebudayaannya. Jika kepimpinan negara menerima Islam sebagai dasar dan peraturan politik serta bersedia melaksanakan tuntutan Islam, maka Islam mendapat tempat sewajarnya. Sekaligus insan akan dapat dibangunkan. Sebaliknya, jika Islam ditolak di dalam kepimpinan, maka nilai-nilai Islam cuma menjadi slogan semata-mata, sedangkan insan seluruhnya terdedah kepada gejala kemusnahan yang tidak terperi seperti yang dapat disaksikan pada hari ini!